



BAH MELANDA

15 minit air dah paras dada

■ Kali pertama penduduk terpaksa pindah

Tawau

“Hanya dalam masa 15 minit air naik ke paras dada,” kata Irwanshah Mohamad, 29, antara mangsa banjir yang terpaksa berpindah dengan keluarganya selepas kampung mereka, Kampung Sungai Gading Wakuba dilanda banjir, semalam.

Menurut Irwanshah, dia menyedari air mulai naik kira-kira jam 5.30 pagi selepas selesai solat Subuh dan ketika itu paras air hanya setakat lutut.

“Namun tidak lama kemudian,

saya dapati air makin laju dan makin naik lalu mengambil keputusan berpindah kira-kira jam 6.30 pagi ke rumah saudara terdekat.

“Tiga anak yang masih kecil berusia antara anatar 12 bulan sehingga lima tahun, sudah saya pindahkan sebelum kami pulang ke rumah untuk mengalihkan peralatan tempat tinggi,” katanya ketika ditemui di kampung itu, semalam.

Menurutnya, walaupun kawasan itu sering dilanda banjir tetapi kali ini lebih buruk kerana sebelum ini dia tidak pernah terpaksa berpindah.

Seorang lagi penduduk, Rosli Kamar, 33, berkata laluan ke kampung itu tidak boleh dilalui kerana deraan ringan.

Bagaimanapun, keluarganya belum lagi berpindah kerana rumahnya belum dinaiki air.

Ketua Kampung Sungai Gading Wakuba, Majid Ali berkata 11 rumah di kampung berkenaan terjejas dan empat keluarga dipindahkan ke rumahnya.

“Banjir kali ini dipercayai paling teruk dan ini kali pertama penduduk terpaksa dipindahkan,” katanya.



ANGGOTA penyelamat mengharung air bagi membantu mangsa banjir.

512 terpaksa dipindahkan

Kota Belud: Sekurang-kurangnya 10 buah kampung sekitar daerah ini dilanda banjir menyebabkan 512 orang daripada 161 keluarga terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Belud Faizal Wahid berkata, menyebabkan beberapa laluan turut terputus.

“Antara kampung itu ialah Kampung Sembirai, Kampung Tamu, Kampung Kota Belud, Kampung Bobot, Kampung Linau, Kampung Gunding, Kampung Menunggu, Kampung Siasai, Kampung Kota Bungan dan Kampung Lobak Engad.

“Buat masa ini, satu pusat pemindahan banjir dibuka di Dewan Tun Said Kota Belud,” katanya.

Menurutnya, sehingga petang semalam, 512 orang membabitkan 161 keluarga dipindahkan ke pusat pe-



MANGSA dipindahkan ke kawasan lebih selamat menggunakan bot.

mindahan sementara di Dewan Tun Said Kota Belud.

Seorang penduduk Kampung Sembirai, Azizul Lemn, 29, yang terjejas akibat banjir berkatam, air naik dengan cepat awal pagi se-

malam menyebabkan dia bergegas memindahkan kereta ke tempat tinggi.

Katanya, hujan berterusan sejak malam kelmarin, menyebabkan kawasan rumahnya digenangi air

manakala laluan masuk ke kampungnya terputus.

“Sejak semalam, kami sekeluarga berganti-ganti berjaga melihat perkembangan air

dan pagi tadi, air naik begitu cepat sehingga menenggelamkan separuh tayar kereta,” katanya di sini, semalam.

Katanya, banjir yang melanda kawasan rumahnya itu sering berlaku terutama pada awal tahun.

“Perkampungan ini memang sering kali dilanda banjir, terutama pada awal tahun dan berlaku sehingga empat kali setahun,” katanya.

Azizul berkata, dia dan keluarganya turut bersedia lebih awal dengan menyediakan barangan keperluan asas terutama makanan dan keperluan anak serta air bersih jika terputus hubungan ke pekan berhampiran.

“Sejak semalam, kami sekeluarga berganti-ganti berjaga melihat perkembangan air dan pagi tadi, air naik begitu cepat”

Azizul Lemn